

Benarkah Nabi Adam dan Hawa Turun Ke Bumi Hina Sebegini ?

Written by Ruzlan

Thursday, 14 January 2016 00:00 - Last Updated Wednesday, 24 February 2016 14:08

Mesopotamia, Nil, Euphrates, Tigris, Indus dan Hwang Ho. Tiada langsung sungai utama yang wujud di Eropah!
Terdapat beberapa fakta mengenai gambaran zaman Paleolitik yang bertentangan dengan kehidupan keluarga Nabi Adam AS sebagai manusia pertama di muka bumi.
Antara kegiatan utama manusia Paleolitik ialah memburu binatang, memungut tumbuhan liar dan menangkap ikan serta kehidupan mereka secara nomad (berpindah-randah tanpa kediaman yang tetap).
Penempatan mereka seperti di gua-gua atau pokok-pokok yang dibina menggunakan ranting kayu dan rumput-rumpai.
Mereka menghidupkan api menggunakan kaedah geseran, memakai pakaian yang diperbuat daripada kulit binatang, mengukir gambar di dinding gua serta mempercayai kehidupan selepas kematian.
Sudahlah zaman ini bermula di benua Eropah, maka di mana pula terdapatnya gua-gua serta bagaimanakah saiz pokok-pokok di benua yang mengalami empat musim ketara ini boleh digunakan sebagai kediaman taua penempatan? Sekiranya ada golongan yang mendakwa zaman Paleolitik bermula di Mesopotamia, ia sesuatu yang keliru juga. Jika dilihat dengan keadaan geografinya, hampir tidak wujud gua-gua (terutamanya) dan pohon besar di tepian sungai atau persisiran pantai di sekitar sungai Mesopotamia.
Mengapa sehingga kini seolah tiada langsung peninggalan yang boleh dijadikan sebagai bukti wujudnya zaman Paleolitik ini! Antara golongan manusia yang dikatakan wujud pada zaman ini ialah Manusia Jawa, Peking, Neanderthal dan Cro-Magnon. Kesemua muka mereka mirip muka orang asli Red Indian dan seolah seiras.
Bagaimana sebuah zaman yang mencecah berjuta-juta tahun hanya memiliki bentuk wajah yang seolah stereotaip dan diambil daripada sampel terkini (bukan daripada bahan artifak dan bukti sejarah yang benar).
Manusia-manusia ini seolah disifatkan dengan golongan yang tidak mempunyai tamadun yang tinggi. Mereka hidup tanpa pakaian serta mempunyai bentuk fizikal yang menyerupai dan membenarkan Teori Darwin mengenai asal-usul manusia.
Bagaimana mungkin Nabi Adam, isterinya Hawa dan anak-anak mereka hidup tanpa pakaian sedangkan mereka kelompok pertama hidup di dunia?
Sejarah Nabi Adam AS jelas menunjukkan bahawa bermula mereka diturunkan ke dunia, mereka telah dikurniakan oleh Allah SWT ilmu untuk mengurus kehidupan mereka. Perjalanan kehidupan mereka tersusun dan penuh perancangan. Setelah beberapa tempoh mendiami dunia, maka Saidatina Hawa melahirkan sepasang kembar.
Mereka ialah Qabil dan Iqlima, kemudiannya Habil dan Labuda. Sepertimana fitrah pasangan ibu dan ayah, Adam dan Hawa berusaha mencari nafkah untuk anak-anak mereka. Anak-anak perempuan menguruskan rumah dan hal-hal wanita. Manakala anak lelaki pula mencari nafkah keperluan hidup mereka. Qabil bertungkus-lumus mengerjakan tanah pertaniannya dan Habil berjaya dalam lapangan penternakan. Bukti yang menunjukkan bahawa pertanian dan penternakan mereka sangat menjadi melalui kisah mereka untuk menentukan jodoh kehidupan masing-masing. Mereka harus menyerahkan korban mereka kepada Allah SWT.
Firman Allah SWT: "Dan bacakanlah (wahai Muhammad) kepada mereka kisah (mengenai) dua orang anak Adam (Habil dan Qabil) yang berlaku dengan sebenarnya, iaitu ketika mereka berdua mempersembahkan satu persembahan korban (untuk mendampingi diri kepada Allah). Lalu diterima korban salah seorang di antaranya (Habil), dan tidak diterima (korban) dari yang lain (Qabil). Berkata (Qabil): ♦ Sesungguhnya aku akan membunuhmu! ♦. (Habil) menjawab: ♦ Hanyasanya Allah menerima (korban) dari orang-orang yang bertaqwa" (Surah al-Ma'idah 5:27)
Allah SWT secara jelas telah menerangkan bahawa Dia telah mengajarkan kepada Nabi Adam AS beberapa nama. Peristiwa ini menunjukkan bahawa anugerah ilmu dan pemikiran telahpun Allah kurniakan kepada manusia sejak manusia pertama berada di dalam syurga lagi.

Benarkah Nabi Adam dan Hawa Turun Ke Bumi Hina Sebegini ?

Written by Ruzlan

Thursday, 14 January 2016 00:00 - Last Updated Wednesday, 24 February 2016 14:08

/>Ini bertentangan dengan Teori Darwin yang menyatakan manusia berasal daripada beruk dan berevolusi berperingkat sehinggalah menjadi manusia seperti hari ini. Apabila manusia bermula daripada beruk, ini bermakna seolah manusia ini sebenarnya haiwan dan bertukar menjadi manusia. Sedangkan Allah SWT telah menjelaskannya dengan terang bahawa manusia dan haiwan itu merupakan dua kelompok makhluk yang sangat berbeza. Maka, anugerah ilmu oleh Allah SWT awal-awal lagi telah menafikan Teori Darwin yang penuh dengan elemen atheis dan rasis.
</p><p>Firman Allah SWT: "Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Ia berfirman:

◆Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar◆ (Surah al-Baqarah 2:31)

Firman Allah SWT lagi: ◆Wahai Adam! Terangkanlah nama benda-benda ini semua kepada mereka◆. Maka setelah Nabi Adam menerangkan nama benda-benda itu kepada mereka, Allah berfirman: ◆Bukankah Aku telah katakan kepada kamu, bahawasanya Aku mengetahui segala rahsia langit dan bumi, dan Aku mengetahui apa yang kamu nyatakan dan apa yang kamu sembunyikan?◆ (Surah al-Baqarah 2:33)

/>Dedikasi: Semua sekolah di Malaysia khususnya telah MENIPU pelajar sejak di bangku persekolahan lagi. Para murid ditipu, guru menipu tanpa disedari dan ahli akademik terus leka tertipu tanpa sebarang usaha 'sendiri' untuk pemurnian fakta sejarah. Terima kasih kepada para guru sehingga saya pada hari ini mampu untuk menilai pembohongan dan kebenaran sejarah.

<i>Sumber: www.sentiasapanas.com</i>

Inilah klasifikasi (taxonomy) anak cucu Nabi Adam AS dari sudut biologi.
</p>Familia: HominidaeSubfamilia: HomininaeGenus: HomoSpecies: Homo sapiensSubspecies: Homo sapiens sapiens<p>
Jadi Perak Man dan Peking memang bukan spesies manusia moden.</p><p>

Perlu diingatkan bahawa semua kategori hominid dan homonin yang lain BUKAN manusia. Jadi Australopithecus, Homo erectus, homo habilis bukan manusia. Begitu juga Homo sapiens Neanderthal yang pupus 35,000 tahun yang lalu juga bukan manusia.

Manusia moden (kita semua) adalah Homo sapiens sapiens. Nabi Allah Adam juga Homo sapiens sapiens.

Bila Nabi Adam diturunkan ke Bumi? Oleh kerana tiada nas dalam Quran atau hadis sahih, maka terpulang kepada akal dan ilmu manusia untuk mengkaji. Setakat ini anggaran tarikh tepat manusia pertama masih lagi belum dijumpai. Berdasarkan kajian DNA mitochondria manusia, saintis menganggarkan manusia pertama muncul kira-kira 200,000 tahun dahulu. Tetapi teori ini banyak kecacatan.

Pakar-pakar genetik percaya usia manusia moden ditentukan oleh DNA most recent common ancestor (MRCA).

<i>"The Human MRCA. All humans alive today share a surprisingly recent common ancestor, perhaps even within the last 5,000 years, even for people born on different continents."</i>

Jadi boleh dianggarkan Nabi Adam muncul kira-kira 5000 hingga 10,000 tahun dahulu. Ini adalah fakta saintifik.

Fakta DNA otak manusia pula menunjukkan bahawa manusia bukan dari keturunan Australopithecus, Homo erectus, Homo habilis atau mana-mana Hominid. Fakta DNA menunjukkan manusia muncul entah dari mana.

Ini adalah hasil kajian terbaru yang dilakukan oleh sekumpulan pakar dari Universiti Edinburgh.

Kenyataan Dr Martin Taylor (Institute of Genetics and Molecular Medicine, University of Edinburgh) berkenaan DNA otak manusia:

<i>This new molecule sprang from nowhere at a time when our species was undergoing dramatic changes: living longer, walking upright, learning how to use tools and how to communicate. We◆re now hopeful that we will

Benarkah Nabi Adam dan Hawa Turun Ke Bumi Hina Sebegini ?

Written by Ruzlan

Thursday, 14 January 2016 00:00 - Last Updated Wednesday, 24 February 2016 14:08

find more new genes that help show what makes us human.</i>

</i></p><p><i>Rujukan:</i></p><p>http://sensuouscurmudgeon.wordpress.com/2012/11/14/human-brain-gene-sprang-from-nowhere/</p><p>
</p><hr><p><u>Admin 1Kedai:</u> Jika anda tidak keberatan, harap dapat 'FORWARD'kan ilmu yang bermanfaat ini sebagai satu lagi amalan kebaikan kepada teman-teman atau insan yang anda kasihi kerana:
 " Sebaik-baik manusia itu adalah mereka yang memberi manafa'at kepada manusia yang lain ".. <i>Buatkan satu amalan mudah anda. Hanya klik butang di bucu atas halaman ini: </i></p><p>
<i></i></p><p>
</p>